



2,000 PELAJAR BARU

Saat yang paling bahagia bagi seseorang pelajar adalah di kala dapat melanjutkan pengajian ke alam menara gading. Begitulah gambaran yang dirasakan oleh 2,000 pelajar baru yang mendaftarkan diri dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi sidang akademik 2010/2011 di Kampus Tetap, Ulu Pauh dekat sini, pada 4 Julai yang lalu.

Sesi pendaftaran pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda itu merupakan pertama kali diadakan di Kampus Tetap UniMAP, Ulu Pauh. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk merasai suasana kampus baru yang lebih selesa dan berkonsepkan alam. Pada tahun sebelum ini sesi pendaftaran pelajar dilaksanakan di sekitar Kolej Kediaman Kampung Wai, Kuala Perlis.



Seawal jam 8.00 pagi lagi Kampus Ulu Pauh dibanjiri dengan para pelajar baru serta para ibu bapa. Lebih manis lagi apabila DYTM Tuanku Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil selaku Pro Canselor UniMAP telah berkenan mencemar duli berangkat bagi memeriahkan majlis pendaftaran tersebut.

Dalam titahnya, Tuanku Syed Faizuddin menyatakan bahawa Perlis adalah negeri yang kondusif untuk pelajar kerana kos sara hidup yang rendah, suasana tenteram dan prasarana ilmu yang berkembang. Menurut baginda, sebagai negeri yang paling kecil dan menerima jolokan Negeri Ilmu itu, para pelajar dapat menjimatkan masa perjalanan mereka untuk mengikuti kuliah selain bebas daripada kesesakan lalu lintas.



Sepanjang sesi pendaftaran itu juga, para ibu bapa turut diberikan taklimat berkenaan UniMAP serta perjalanan pengajian yang akan ditempuhi oleh anak-anak mereka sepanjang tempoh mereka bergelar mahasiswa UniMAP. Permulaan kehidupan baru di UniMAP bermula apabila para pelajar terlibat dengan Minggu Suaikenal (MSK) yang bermula pada 4 hingga 8 Julai 2010 dengan pelbagai program yang telah disusun. Antara program yang dimuatkan dalam MSK ialah Temu Mesra Bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pengurusan Kolej Kediaman, Pengenalan AUKU (Pindaan) 2009, Program Bersama Tokoh iaitu YAB Dato' Seri Dr Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis. Para pelajar juga diberikan sedikit pengenalan terhadap program yang dipilih mereka dalam sesi bersama pusat pengajian dan mereka juga akan dibantu dalam membuat pendaftaran kursus secara online.



MENDAFTAR DI UniMAP

Majlis Sambutan Siswa/Siswi juga diadakan di mana para pelajar tersebut mendengar amanat daripada Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin yang seterusnya memperkenalkan Ketua-ketua Jabatan UniMAP.



Minggu Suaikenal tidak lengkap sekiranya tidak disertakan dengan Majlis Ramah Mesra di mana para pelajar diraikan dalam satu majlis makan malam bersama Naib Canselor dan tidak ketinggalan para pelajar baru ini turut terlibat untuk membuat persembahan masing-masing.

Sementara itu, pada 26 Julai 2010 Kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh sekali lagi dibanjiri pelajar-pelajar baru ambilan kedua Sidang Akademik 2010/2011. Pada sesi pendaftaran sidang kedua ini, seramai 468 pelajar telah mendaftar di UniMAP.



Kepada semua pelajar baru, Selamat Datang! dan semoga segala impian dan harapan untuk menjadi jurutera berkaliber akan menjadi kenyataan dengan berkat dan usaha gigih para pelajar selaras memenuhi kehendak kerajaan untuk melahirkan jurutera yang mampu melakar pembangunan pesat ke arah Malaysia maju 2020.